

等 別：普通考試
類 科：外語導遊人員（馬來語）
科 目：外國語（馬來語）
考試時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當的答案，複選作答者，該題不予計分。
(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。
(三)禁止使用電子計算器。

- 1 “_____ percaya bahawa _____ tidak bersalah,” kata Faris dan John kepada Rasid.
(A) Saya...kita (B) Kami...kamu (C) Awak...beliau (D) Mereka...dia
- 2 Dilarang terus membuang jarum suntikan _____ dalam tong sampah.
(A) ke (B) di (C) pada (D) dari
- 3 _____ pandangan saya, kisah-kisah yang diceritakan oleh pemuda itu hanyalah khayalan sahaja.
(A) Bagi (B) Dari (C) Untuk (D) Pada
- 4 Satu per tiga _____ rombongan pelawat dalam bas ini ialah wanita.
(A) dari (B) pada (C) kepada (D) daripada
- 5 Pameran computer di Pusat Dagangan Dunia Taipei akan dimulakan pada hari lusa _____ minggu hadapan.
(A) dari (B) pada (C) hingga (D) kepada
- 6 Kedatangan kami ke Taiwan disambut _____ penuh kemesraan di lapangan terbang.
(A) sambil (B) dengan (C) di (D) pada
- 7 Penyanyi yang popular itu _____ mengadakan konsert di Stadium Taipei pada minggu hadapan.
(A) telah (B) belum (C) akan (D) sudah
- 8 Para penumpang MRT dinasihatkan _____ berwaspada terhadap penyeluk saku.
(A) agar (B) apabila (C) bahawa (D) kerana
- 9 “Semua orang _____lah berpakaian kemas untuk menghadiri majlis berbuka puasa petang nanti,” kata ketua kumpulan.
(A) boleh (B) dapat (C) mesti (D) belum
- 10 Pengarah filem yang terkenal itu tidak _____ menjejakkan kakinya di Pusat Bandar Kaohsiung.
(A) belum (B) sudah (C) telah (D) pernah
- 11 Buah kelapa itu _____ dipetik walaupun masih muda.
(A) belum (B) telah (C) akan boleh (D) masih sudah
- 12 Jangan pusing ke laluan kanan kerana jalan itu _____ dibuka.
(A) masih belum (B) telah akan (C) mesti boleh (D) masih dapat
- 13 Setelah singgah dua malam di Hualian, kami _____ meneruskan perjalanan kami ke Tainan.
(A) juga (B) jua (C) pun (D) lah
- 14 Sejak peristiwa itu, kakak _____ berani lagi pergi ke taman seorang diri.
(A) betul (B) benar (C) tidak (D) bukan

- 15 Setelah disiasat, terbukti bahawa keracunan susu tepung itu _____ satu kemalangan tetapi disengajakan oleh seseorang.
(A) usah (B) tidak (C) jangan (D) bukan
- 16 Dari _____ kesihatan, amalan merokok akan menjejaskan system pernafasan.
(A) sisi (B) sudut (C) bawah (D) belakang
- 17 Encik Raymond memasukkan beberapa _____ ais ke dalam minumannya supaya cepat sejuk.
(A) titis (B) buah (C) ketul (D) buku
- 18 Tommy dan rakannya berbangga kerana telah berjaya sampai ke _____ Gunung Everest yang ketinggiannya 8850 meter.
(A) atas (B) bawah (C) tengah (D) puncak
- 19 Chef James memasukkan se_____ garam ke dalam masakannya untuk menyedapkan rasa masakan tersebut.
(A) biji (B) butir (C) cubit (D) genggam
- 20 Rosli bertanya kepada pemandu pelancong, “Bangunan istana lama ini dibina pada tahun _____ ?”
(A) bila (B) apa (C) berapa (D) bagaimana
- 21 Kebanyakan _____ restoran itu terdiri daripada para pekerja kilang berdekatan.
(A) pembeli (B) pelawat (C) pelanggan (D) pelayan
- 22 _____ sungai itu tercemar oleh perbuatan kilang yang tidak bertanggungjawab.
(A) Kesucian (B) Kemurnian (C) Keharmonian (D) Kebersihan
- 23 _____ di tepi pantai itu pada waktu senja sungguh mempesonakan.
(A) Pelihatan (B) Pemerhatian (C) Pemandangan (D) Penggambaran
- 24 Hujan yang turun tidak berhenti-henti mengakibatkan kawasan pasar malam sana dilanda _____ kilat.
(A) tsunami (B) ribut (C) banjir (D) kemarau
- 25 Pramugari yang berpakaian kemas itu kelihatan sungguh _____.
(A) segar (B) segak (C) tampan (D) jelita
- 26 Tayar basikal itu _____ kerana sudah lama tidak masuk angin.
(A) bundar (B) kempis (C) buncit (D) leper
- 27 Kerana _____ bangun daripada tidur, semua orang terpaksa menunggu Sofia di dalam bas persiaran.
(A) lena (B) cuai (C) lalai (D) lewat
- 28 Penyanyi wanita yang bersuara _____ itu mempunyai peminat yang banyak.
(A) merdu (B) parau (C) lazat (D) molek
- 29 Taiwan telah mendapat tempat _____ dalam pertandingan besbol antarabangsa tahun 2013.
(A) empat (B) empat-empat (C) keempat (D) keempat-empat
- 30 Kerja-kerja pengubahsuaian pusat pameran bunga itu mengambil masa selama _____ tahun.
(A) setengah-tengah (B) setengah (C) setengah-setengah (D) sesetengah
- 31 _____ kaligrafi yang dihasilkan dalam pertandingan akan dipamerkan kepada orang ramai.
(A) Semua (B) Seluruh (C) Segenap (D) Setimbun

- 32 Pekerja MRT _____ tangan lelaki yang cacat penglihatan itu semasa menaiki MRT.
(A) memimpin (B) memimpin (C) memimpin (D) dipimpin
- 33 Pelancong dari Perancis yang fasih _____ dalam Bahasa Mandarin itu sudah banyak kali melancong ke Taiwan.
(A) ditutur (B) penutur (C) menutur (D) bertutur
- 34 _____ wanita dari tempat kejadian itu kedengaran dari pejabat kami.
(A) Jeritan (B) Terjerit (C) Mnjerit (D) Dijeritkan
- 35 Sharif merasa kagum melihat Gunung Yushan yang indah _____ salji di sepanjang perjalanannya.
(A) liput (B) diliputi (C) perliputan (D) keliputan
- 36 _____ yang melanggar peraturan jalan raya akan dikenakan saman.
(A) Apa-apa (B) Bila-bila (C) Mana-mana (D) Siapa-siapa
- 37 Nenek _____ terpedaya oleh pujukan dan tipu muslihat lelaki yang menyamar sebagai pegawai bank itu.
(A) dekat-dekat (B) baru-baru (C) hampir-hampir (D) rata-rata
- 38 Banyak orang yang _____ di Pantai Kending pada setiap hujung minggu.
(A) celum-celam (B) lintang-pukang (C) riuh-rendah (D) mandi-manda
- 39 _____ penonton di stadium itu telah menaikkan semangat para pemain bola keranjang negara kita.
(A) Hiruk-pikuk (B) Sorak-sorai (C) Riuh-rendah (D) Gembar-gembur
- 40 Para peniaga akan disaman jika tidak meletakkan _____ pada barang-barang jualan mereka.
(A) tanda nama (B) tanda mata (C) tanda barang (D) tanda harga
- 41 Ramai penumpang _____ ketika menaiki bot yang dilambung ombak.
(A) mabuk air (B) mabuk kata (C) mabuk laut (D) mabuk tuak
- 42 Pasangan pengantin baharu itu merancang untuk _____ ke Eropah.
(A) tangkap angin (B) bawa nyawa (C) solok kayu (D) berbulan madu
- 43 Kakak menghadiri _____ untuk mengisi kekosongan jawatan pramugari pesawat MAS.
(A) temu janji (B) temu duga (C) temu bual (D) temu ramah
- 44 Pakcik Rex memakai cermin mata ketika membaca majalah kerana beliau _____.
(A) rabun baca (B) rabun mata (C) rabun dekat (D) rabun panjang
- 45 Sebelum keluar dari hotel kita hendaklah _____ terlebih dahulu agar tidak rasa lapar nanti.
(A) makan angin (B) cari jalan (C) ikat perut (D) alas perut
- 46 Encik Lin jarang-jarang menggunakan kenderaan sendiri ke pejabat _____ selepas kenaikan harga petrol.
(A) oleh sebab (B) malahan (C) akhirnya (D) lebih-lebih lagi
- 47 Andy Lau ialah penyanyi yang terkenal. _____, beliau juga seorang pelakon yang berjaya.
(A) Oleh itu (B) Selain itu (C) Namun begitu (D) Walau bagaimanapun
- 48 Ramai pendatang asing menempah tiket bas untuk pulang ke kampung masing-masing. (同義詞)
(A) mengambil (B) memesan (C) memohon (D) membeli
- 49 Pemuda itu minta tolong di tepi jalan kerana keretanya rosak. (同義詞)
(A) galakan (B) panduan (C) bantuan (D) tarikan

- 50 Ahmad bangkit dari tempat duduknya lalu turun dari keretapi itu. (同義詞)
(A) sedar (B) terjaga (C) bingkas (D) bangun
- 51 Buah yang masak itu sudah luruh. (同義詞)
(A) kering (B) gugur (C) rosak (D) pecah
- 52 Ayah tidak bercadang untuk membeli rumah di kawasan yang sesak itu. (反義詞)
(A) lapang (B) padat (C) longgar (D) padu
- 53 Keluaran beras negara ini hanya cukup untuk keperluan domestik sahaja. (反義詞)
(A) antarabangsa (B) kampung (C) pekan (D) dalaman
- 54 Jangan mudah percaya dengan apa yang diperkatakan oleh seseorang yang tidak dikenali. (反義詞)
(A) alpa (B) lalai (C) curiga (D) ingat
- 55 Suasana di kawasan sana agak sunyi apabila malam menjelang. (反義詞)
(A) meriah (B) bising (C) hening (D) lantang
- 56 Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul. (多義詞)
I. Harga kacang naik dengan tiba-tiba.
II. Pak Mat naik angin melihat tanamannya dimusnahkan oleh tikus.
III. Pokok jambu yang saya tanam makin naik.
IV. Tiba-tiba, belon itu naik ke udara.
(A) I, II, III (B) I, II, IV (C) I, III, IV (D) II, III, IV
- 57 Semalam ialah hari Selasa. Lusa hari _____.
(A) Isnin (B) Rabu (C) Khamis (D) Jumaat
- 58 Hari Keamanan Taiwan jatuh pada bulan _____.
(A) Oktober, sepuluh haribulan. (B) Februari, dua puluh lapan haribulan.
(C) Ogos, lapan haribulan. (D) Januari, satu haribulan.
- 59 Hofman merupakan pencipta Bebek Karet Raksasa, beliau berasal dari negara _____.
(A) Britain (B) Amerika Syarikat (C) Jerman (D) Belanda
- 60 Kehadiran bayi panda yang bernama Yuanzai telah menarik ramai peminatnya berkunjung ke _____.
(A) Taman Hutan Daan (B) Menara Taipei 101 (C) Zoo Taipei (D) Taiwan Storyland
- 61 Kaki kiri Pak Samsul terpaksa dipotong kerana dia mengidap penyakit _____.
(A) cacar air (B) patah hati (C) darah tinggi (D) kencing manis
- 62 Pelancong asing itu terpaksa dihantar ke _____ dengan segera kerana keracunan makanan.
(A) pejabat imigresen (B) hotel (C) balai polis (D) hospital
- 63 Nombor telefon anti-penipuan Taiwan ialah _____.
(A) satu satu sembilan (B) satu satu tiga (C) satu enam lima (D) satu satu kosong
- 64 Apakah langkah berjaga-jaga yang tidak betul apabila gempa bumi berlaku ?
(A) Mencari tempat perlindungan yang boleh menghalang daripada terkena kaca dan batu-bata.
(B) Jauhkan diri daripada tingkap, rak buku, atau bahan-bahan yang boleh mencederakan.
(C) Menyelamatkan harta benda dengan secepat mungkin.
(D) Mematikan semua alat elektrik dan jangan menyentuh pendawaian elektrik yang terendam di dalam air.

- 65 Antara sifat yang baik semasa menaiki bas termasuk _____.
- I. Memberi tempat duduk kepada orang yang kurang upaya.
 - II. Memakai topeng jika mempunyai simptom demam selesema.
 - III. Membaca buku tanpa menghiraukan orang tua.
 - IV. Merendahkan suara semasa bercakap telefon bimbit.
- (A) I, II, III (B) I, II, IV (C) I, III, IV (D) II, III, IV
- 66 Atuk akan keluar membeli se_____ surat khabar pada tiap-tiap pagi.
- (A) naskah (B) pucuk (C) keping (D) helai
- 67 Orang ramai berulang-alih untuk _____ MRT ke pejabat setiap hari.
- (A) manaiki (B) memanjat (C) menunggang (D) mengangkat
- 68 Setiap kaum di Kampung Orang Asli mempunyai _____ yang unik yang diwarisi sejak turun-temurun.
- (A) kehalusan (B) kebebasan (C) kebudayaan (D) keharmonian
- 69 Kerajaan menggalakkan semua warganegara membeli barangan tempatan supaya tidak terlalu _____ pada barangan import.
- (A) berarah (B) bergantung (C) berpaksi (D) bersedia
- 70 Pemandangan di Tamsui amat menarik terutama pada waktu terbenam matahari. (反義詞)
- (A) muncul (B) turun (C) tiba (D) terbit

Sejak akhir-akhir ini, kadar kemalangan jalan raya yang mengakibatkan nyawa terkorban semakin meningkat. Untuk mengelakkan berlakunya kemalangan itu, kita mestilah mengamalkan sikap berhati-hati dan bertimbang rasa ketika memandu di jalan raya. Janganlah memandu dengan laju atau secara berbahaya. Elakkan memandu dalam keadaan mabuk kerana boleh membahayakan diri sendiri dan juga orang lain.

Murid-murid sekolah juga terdedah kepada bahaya kemalangan di jalan raya. Oleh itu, sebelum melintasi jalan raya, kita seharusnya menoleh ke kanan dan ke kiri dahulu. Bagi murid-murid yang menunggang basikal pula, elakkan daripada *bersaing* dengan kawan-kawan kerana boleh mengundang bahaya.

Selain itu, kita perlu mematuhi kempen-kempen keselamatan jalan raya yang diadakan oleh pihak kerajaan. Pihak polis trafik pula, perlu sentiasa membuat rondaan dan mengadakan sekatan jalan raya bagi memastikan semua pemandu mematuhi peraturan di jalan raya. Kita mestilah sentiasa ingat supaya memandu mengikut peraturan dan bukannya mengikut perasaan.

- 71 Apakah kesan daripada kemalangan jalan raya yang dilaporkan oleh berita akhir-akhir ini ?
- (A) Ramai yang cedera. (B) Banyak nyawa terkorban.
 - (C) Banyak kenderaan yang rosak. (D) Banyak surat saman dikeluarkan.
- 72 Apakah yang mesti dilakukan oleh murid-murid sebelum melintas jalan raya ?
- (A) Berjalan perlahan-lahan. (B) Menoleh ke kanan dan ke kiri.
 - (C) Berlari dan melintas dengan cepat. (D) Menahan kereta yang sedang bergerak.
- 73 Apakah langkah untuk mengelakkan berlakunya kemalangan di jalan raya ?
- (A) Memandu dengan laju. (B) Memandu dalam keadaan mabuk.
 - (C) Berhati-hati dan bertimbang rasa di jalan raya. (D) Menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

- 74 Siapakah yang perlu sentiasa membuat rondaan di jalan raya ?
(A) Murid-murid (B) Pihak sekolah (C) Pihak polis (D) Pihak kebajikan
- 75 Perkataan *bersaing* dalam petikan bermaksud _____.
(A) berlumba (B) bercakap (C) terburu-buru (D) memotong

Migrain merupakan sejenis penyakit yang disebabkan oleh aliran darah dan perubahan kimia di bahagian otak. Perubahan ini menyebabkan arteri yang membekalkan darah ke otak tersekat dan mengakibatkan sakit kepala yang teruk.

Terdapat enam *simptom* migrain iaitu sakit kepala berpanjangan yang teruk di bahagian sebelah kanan kepala dan diikuti dengan denyutan yang kuat. Seterusnya, gangguan saraf pada pandangan seperti di titik buta. Ada ketikanya sebelum sakit kepala terjadi, objek yang dilihat menjadi lebih daripada satu. Selain itu, cahaya yang terang dan bunyi yang kuat juga akan menjadi begitu sensitif kepada pesakit migrain. Dalam kes yang paling teruk, sakit kepala yang dialami akan diikuti dengan rasa tidak selesa di bahagian perut, loya, muntah dan cirit-birit.

Selain daripada itu, faktor keturunan juga memainkan peranan. Makanan yang mengandungi *monosodium glutamate* (MSG) seperti serbuk perasa, keju, coklat, kacang dan *aspartame* juga boleh menyebabkan migrain.

Migrain boleh dirawat melalui tiga cara iaitu dengan pengambilan ubat-ubatan, tanpa ubat-ubatan atau dengan penggunaan herba. Pengambilan ubat seperti *ergotamine* dan *dihydroergotamine* mampu mengecutkan saluran darah. Jadual tidur dan makanan yang sempurna juga mampu mengelakkan migrain. Pokok sembung juga boleh digunakan bagi merawat migrain.

- 76 Apakah yang dimaksudkan dengan migrain ?
(A) Sejenis penyakit berjangkit yang sangat merbahaya.
(B) Sakit kepala yang menyebabkan mata menjadi rabun.
(C) Virus yang tersebar melalui udara dan menyerang fungsi otak.
(D) Penyakit yang berpunca daripada aliran darah dan perubahan kimia di bahagian otak.
- 77 Penggunaan pokok sembung untuk merawat migrain merupakan kaedah _____.
(A) penggunaan herba (B) tanpa ubat-ubatan (C) rawatan hospital (D) ubat-ubatan
- 78 Simptom migrain yang paling teruk ialah _____.
(A) gangguan saraf pada pandangan
(B) sensitive dengan cahaya yang terang dan bunyi bising
(C) sakit kepala berpanjangan terutama di bahagian kanan dan berdenyut-denyut
(D) sakit kepala berpanjangan diikuti loya, muntah, cirit-birit dan keadaan perut yang kurang menyenangkan
- 79 Berikut ialah faktor-faktor yang menyebabkan migrain kecuali _____.
(A) terlalu banyak makan coklat dan kacang
(B) mempunyai keturunan yang menghidap migrain
(C) penghantaran darah yang tidak sempurna ke otak
(D) saluran darah yang mengembang dan mengecut dengan pantas
- 80 Perkataan *simptom* dalam petikan bermaksud _____.
(A) gejala penyakit (B) kesan (C) punca (D) jenis

測驗式試題標準答案

考試名稱：103年專門職業及技術人員普通考試導遊人員、領隊人員考試

類科名稱：外語導遊人員（馬來語）

科目名稱：外國語(馬來語)（試題代號：4413）

題 數：80題

標準答案：

題號	01	02	03	04	05	06	07	08	09	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
答案	B	A	D	D	C	B	C	A	C	D	B	A	C	C	D	B	C	D	C	C

題號	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
答案	C	D	C	C	D	B	D	A	C	B	A	B	D	A	B	D	C	D	B	D

題號	41	42	43	44	45	46	47	48	49	50	51	52	53	54	55	56	57	58	59	60
答案	C	D	B	C	D	D	B	B	C	D	B	A	A	C	B	B	D	B	D	C

題號	61	62	63	64	65	66	67	68	69	70	71	72	73	74	75	76	77	78	79	80
答案	D	D	C	C	B	A	A	C	B	D	B	B	C	C	A	D	A	D	D	A

題號																				
答案																				

備 註：